



MALAYSIA RAPID TRANSIT CORPORATION SDN. BHD.

(Company No. 902884-V)

(dahulunya dikenali sebagai Mass Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd.)

(Syarikat Milik Kementerian Kewangan Diperbadankan)

KENYATAAN PELAWAAN TUNJUK MINAT (“EOI”)

Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn. Bhd. (902884-V) (“MRT Corp”) ialah sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kementerian Kewangan (Diperbadankan). Sebagai pemaju infrastruktur rel metro di Malaysia, MRT Corp diamanahkan untuk membangun dan melaksanakan projek rel bandar strategik seperti Transit Aliran Deras Lembah Klang (KVMRT), RTS Link Johor Bahru - Singapura, dan Laluan LRT Mutiara Pulau Pinang, bagi menyokong mobiliti mampan dan pembangunan negara.

MRT Corp. ingin mempelawa kontraktor yang berminat dan berkelayakan (“Pemohon”) untuk menyertai Pelawaan Tunjuk Minat (EOI) bagi kerja-kerja yang dinyatakan dalam jadual di bawah.

TAJUK DAN NOMBOR EOI	SYARAT-SYARAT PENDAFTARAN	PENDAFTARAN EOI	TARIKH DAN TEMPAT PENYERAHAN
EXPRESSION OF INTEREST (“EOI”) FOR CIVIL WORK CONTRACTORS FOR PROTECTION OF LAND ALONG MRT3 CIRCLE LINE EOI NO.: CCL-MRTC-GENE-OVPR-EOI-000001 Skop kerja: - Kerja-kerja meroboh; - Kerja-kerja pemasangan pagar perimeter / pagar adang (hoarding) / pagar anti-panjat; - Kerja-kerja pembersihan tapak; - Kerja-kerja pemasangan papan tanda; dan - Kerja-kerja pemasangan pintu pagar berserta kunci.	Pemohon hendaklah memiliki dokumen yang sah seperti berikut: i. Pendaftaran Syarikat yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM); ii. Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK) dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dengan butiran berikut: Grade: G3, G4 or G5 Kategori: B, CE Subkategori: B26, CE21; iii. Sijil Pematuhan Cukai (TCC) (Status: Patuh) yang dikeluarkan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.	Bagi menyertai pelawaan EOI ini, semua Pemohon dikehendaki melengkapkan pendaftaran secara atas talian melalui salah satu daripada pautan berikut: - Laman Web MRT Corp http://www.mymrt.com.my; atau https://forms.gle/XWinSLzKYrpN9SWx7; atau - Dengan mengimbas Kod QR yang disediakan di bawah.  Pendaftaran akan bermula pada hari Isnin, 29 Jun 2026 dan ditutup pada hari Isnin, 13 Julai 2026. Hanya Pemohon yang berdaftar dan memenuhi syarat-syarat pendaftaran layak menerima Dokumen EOI secara percuma melalui alamat e-mel yang didaftarkan. Dokumen EOI akan dikeluarkan pada hari Isnin, 13 Julai 2026.	Dokumen EOI yang telah lengkap hendaklah diserahkan pada hari Isnin, 27 Julai 2026 tidak lewat dari jam 12:00 tengahari. Sebarang penyerahan yang diterima selepas tarikh dan masa tutup tersebut akan dibatalkan kelayakan. Dokumen EOI hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang dimeterai dengan kemas, serta dilabelkan dengan jelas di bahagian tengah atas sampul surat dengan tajuk EOI dan nombor rujukan, dan dikemukakan ke alamat berikut: Malaysia Rapid Transit Corporation Sdn Bhd. Procurement Department (Tender Counter), 6th Floor, Menara I&P 1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur.

- Dokumen EOI akan diberikan kepada Pemohon yang layak secara percuma melalui alamat e-mel yang didaftarkan.
- Pemohon dikehendaki mengemukakan dokumen yang telah dilengkapkan dengan sempurna berserta semua maklumat sokongan yang diperlukan mengikut format dan kaedah yang dinyatakan dalam Dokumen EOI.
- Sebagai tambahan kepada keperluan EOI, Pemohon **MESTI** memenuhi semua **Kriteria Mandatori** berikut:

MANDATORI KRITERIA KEWANGAN

- Dana Pemegang Saham hendaklah tidak kurang daripada Ringgit Malaysia Lima Puluh Ribu (**RM50,000.00**).
- EBITDA terkumpul bagi tempoh lima (5) tahun yang lalu hendaklah **positif**.

Nota:

- MRT Corp berhak untuk menerima atau menolak mana-mana penyerahan, sama ada keseluruhannya atau sebahagiannya, tanpa perlu memberikan sebarang alasan. MRT Corp juga tidak akan bertanggungjawab terhadap apa-apa kos atau perbelanjaan yang ditanggung oleh Pemohon berkaitan dengan pelawaan EOI ini.
- Sebarang pertanyaan berkaitan EOI ini hendaklah dikemukakan secara bertulis melalui e-mel kepada procurement@mymrt.com.my. Untuk maklumat lanjut mengenai MRT Corp, Pemohon boleh melayari laman sesawang MRT Corp di www.mymrt.com.my.